

TARIKH: 3/12/23
SURAT KHABAR: Sinar Anad.
MUKA SURAT: II

Majikan diminta sokong Dasar Gaji Progresif

PUTRAJAYA - Majikan diseru menyokong projek rintis Dasar Gaji Progresif yang bakal dilaksanakan bermula Jun tahun depan dalam usaha meningkatkan gaji pekerja.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, projek itu dapat membantu kerajaan menambah baik inisiatif berkenaan pada masa akan datang.

"Kita perlu menghargai keprihatinan kerajaan menangani isu gaji pekerja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, kerajaan sedia maklum

mengenai situasi ekonomi selepas pandemik Covid-19 melanda dan pada masa sama kos sara hidup kian meningkat.

"Kerajaan juga dilihat mula memainkan peranan membantu sektor perusahaan mikro kecil dan sederhana (PKMS)," katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan usul Dasar Gaji Progresif di Dewan Rakyat pada Khamis, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pelaksanaan Dasar Gaji Progresif membabitkan 1,000 syarikat dipilih melalui proses yang menekankan sokongan dasar, tahap keperluan sektor dan kesaksamaan.

Dasar Gaji Progresif akan memberi fokus terhadap pekerja yang menerima gaji bulanan bawah RM5,000 sebulan yang mana 70 peratus golongan pekerja direkodkan.

Dasar terbabit dijangka memberi manfaat kepada 1.05 juta pekerja dengan tambahan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak RM3.3 bilion.

Ia akan memberi tambahan kepada caruman KWSP sebanyak RM0.79 bilion, tambahan hasil cukai pendapatan RM1.8 bilion dengan tambahan 37,529 pembayar cukai pendapatan baharu pada tahun pertama pelaksanaannya.

Sinar Anad
3/12/23
m 8 II